

11 MAY 2001

MAHATHIR JUMPA CASTRO

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengunjungi Presiden Fidel Castro di sini hari ini selepas pemimpin Cuba itu yang memulakan lawatan tiga hari ke Malaysia menerima sambutan permaidani merah di Dataran Parlimen.

Kedua-dua pemimpin itu berjumpa kira-kira 20 minit di sebuah hotel mewah ibu kota yang akan didiami oleh Castro sepanjang lawatannya.

Selepas perjumpaan itu, Dr Mahathir dan Castro bergaya untuk sesi bergambar oleh sekumpulan jurugambar media yang menunggu di lobi hotel.

Kedua-dua pemimpin itu tidak bercakap dengan para pemberita.

Castro tidak mengenakan pakaian tentera yang biasa dipakainya tetapi kelihatan segar memakai suit gelap manakala Dr Mahathir berpakaian baju Melayu dan songkok.

Kedua-dua pemimpin itu kemudiannya bertolak menaiki sebuah limusin ke Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya untuk perjumpaan rasmi.

Ini adalah lawatan pertama Castro ke Malaysia selepas Dr Mahathir melawat Cuba pada 1997 dan tahun lepas.

-- BERNAMA
MAM AHH MOZ